



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KKM MELULUSKAN PERUNTUKAN KHAS KEPADA JABATAN KESIHATAN NEGERI (JKN) JOHOR

12 JUN 2023

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa komited dalam isu kekurangan petugas kesihatan di fasiliti-fasiliti KKM ditangani dengan sebaiknya bagi memastikan penempatan petugas kesihatan termasuk doktor, jururawat, farmasi dan yang lainnya menepati keperluan semasa sesebuah fasiliti.

Kemaskini data dan pemetaan dilaksanakan bagi memastikan agar tiada berlaku maldistribusi petugas, malah ianya dapat mengenalpasti keperluan dan kehendak optimum operasi di mana-mana hospital mahupun klinik kesihatan tersebut.

Saya mengambil maklum mengenai lawatan mengejut YAB Menteri Besar Johor ke Hospital Sultan Ismail (HSI) dan Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru baru-baru ini. Isu berhubung penutupan dua (2) wad dan sepuluh (10) bilik pembedahan berikutan kekurangan aset perubatan serta sumber manusia terutamanya Pegawai Perubatan dan Jururawat sememangnya dalam perhatian KKM.

Namun demikian, penyelesaian segera sedang dalam tindakan KKM dengan kerjasama Agensi Pusat. JKN Johor akan menerima 35 orang jururawat perjawatan tetap dan perjawatan-perjawatan lain termasuk Penolong

Perubatan Kesihatan dan beberapa jawatan kontrak lain sedang menunggu untuk disahkan.

KKM telah meluluskan peruntukan khas sebanyak RM771,600.00 bagi pembelian aset perubatan dan bukan perubatan untuk membolehkan kedua-dua wad berkenaan dibuka segera, antaranya set katil, Defib With Pacing, Basic Dinamp, Vital Sign 4 Channel, ECG Machine, Portable X-Ray Viewer dan lain-lain.

Selain itu, waran peruntukan perbelanjaan mengurus sebanyak RM634,916.00 telah diturunkan juga kepada Jabatan Kesihatan Negeri Johor bagi perolehan aset bukan perubatan (ABR) untuk memenuhi keperluan yang mendesak di kedua-dua Hospital Sultan Ismail dan Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru .

KKM berterima kasih atas keperihatinan semua pihak dalam memastikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik diberikan kepada rakyat. Usaha sedemikian dengan pendekatan “keseluruhan kerajaan dan keseluruhan masyarakat” (*whole of government and whole of society approach*) adalah di antara perkara penting yang digariskan melalui Kertas Putih Kesihatan yang akan dibentangkan di Parlimen pada 13 Jun 2023. Ini adalah demi menjamin kesaksamaan dan akses perkhidmatan kesihatan yang lebih mampan serta ianya kalis masa depan.

DR ZALIHA MUSTAFA
MENTERI KESIHATAN
12 JUN 2023